

DINASTI EQUITY FUND

MEI 2025

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 30 APRIL 2025
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA



MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 26 Oktober 2009

Kategori Dana/Jenis Dana: Ekuiti Syariah/Pertumbuhan

Saiz Dana: RM1,015,161,612.73

Harga Tawaran Permulaan: RM1.0000

NAB per Unit: RM0.4058

Skim Pelaburan KWSP: Tiada

No ISIN: MYU940000AP9

FI, CAJ DAN PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:

Sehingga 1.80% daripada NAB setahun

Fi Tahunan Pemegang Amanah:

Sehingga 0.08% daripada NAB setahun, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj penjagaan asing)

Caj Jualan:

Langsung: Sehingga 5.50% daripada NAB per Unit

Caj Jualan Balik: Tiada

Tempoh Bayaran Jualan Balik:

Tujuh (7) hari bekerja

BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:

Jumlah Sekaligus: RM1000*

Pelaburan Berkala: RM100*

Pelaburan Tambahan Minimum:

Jumlah Sekaligus & Pelaburan Berkala: RM100*

* Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan: Secara sampingan

NAB Dana:

	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	0.4954	21-02-2025
52-Minggu Rendah	0.3781	05-08-2024

PENGURUS DANA


Pengurus Pelaburan Luar:

Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

OBJEKTIF DANA

Dana ini bertujuan untuk memberikan para pelabur peningkatan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan patuh Syariah dengan pendedahan kepada rantau Greater China.


PERUNTUKAN ASET*



1. Teknologi	42.30%	6. Penjagaan kesihatan	3.43%
2. Bukan Keperluan Pengguna	22.03%	7. Keperluan Pengguna	2.87%
3. Perindustrian	10.74%	8. Barangan Pengguna	2.62%
4. Perkhidmatan Pengguna	9.57%	9. Komunikasi	1.49%
5. Tunai & setara tunai	4.64%	10. Utiliti	0.31%

* sebagai peratusan NAB.

PERUNTUKAN NEGARA*



1. China	79.28%
2. Taiwan, Wilayah China	19.88%
3. Hong Kong	0.83%

* sebagai peratusan NAB.


PEGANGAN UTAMA*

1. Alibaba Group Holding Limited	11.67%	4. Meituan	5.86%
2. BYD Co Ltd	9.57%	5. Xiaomi Corporation	5.39%
3. Taiwan Semiconductor Manufacturing Co., Limited	8.54%		

* sebagai peratusan NAB.

PRESTASI DANA

Eastspring Investments Dinasti Equity Fund - Pulangan Sejak Dimulakan (SI) berbanding Penanda Aras



Prestasi dikira berdasarkan NAB-ke-NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

Sumber: Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	-12.41%	-9.38%	-8.44%	-11.44%	-18.40%	-21.03%	21.47%	67.71%
Penanda aras *	-6.22%	-1.46%	0.18%	3.26%	-0.77%	-0.59%	51.44%	128.50%
Kedudukan Lipper	5 of 5	5 of 5	5 of 5	4 of 5	3 of 3	2 of 2	2 of 2	n.a.

Kategori Dana Lipper: Equity Greater China - Islamic
Bilangan dana dalam kategori hendaklah sekurang-kurangnya lima untuk penilaian yang bermakna

* Dow Jones Islamic Market (DJIM) Greater China Index

Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.djindexes.com, 30 April 2025. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

PENILAIAN LIPPER LEADER (KESELURUHAN)

Jumlah Pulangan	Pulangan Konsisten	Pemeliharaan	Penanda Taraf Lipper Leaders
①	①	①	Terendah ① Tertinggi ⑤

Sistem Penilaian Lipper Leaders ialah satu sistem penarafan yang membimbing pelabur dan penasihat mereka untuk memilih dana yang sesuai dengan gaya dan matlamat pelaburan individu. Ia menggunakan kriteria berpaksikan pelabur untuk menyampaikan penerangan yang ringkas lagi jelas tentang kejayaan dana memenuhi matlamat tertentu, seperti memelihara modal atau membina kekayaan melalui pulangan kukuh yang konsisten.

Penarafan Lipper Leader diperoleh daripada formula yang sangat canggih, yang menganalisis dana berdasarkan ketelusan kriteria. Setiap dana ditarafkan berbanding saham setaranya berdasarkan metrik yang digunakan (seperti Jumlah Pulangan atau Perbelanjaan), dan kemudian 20% dana teratas dalam penarafan tersebut menerima penetapan Lipper Leader. Pendekatan Lipper Leaders tidak meramalkan prestasi masa depan, tetapi ia menyediakan konteks dan perspektif untuk membuat keputusan pelaburan dana berdasarkan pengetahuan.

ULASAN PENGURUS DANA

Indeks Greater China menjunam di awal April cetusan kenaikan tarif AS yang lebih besar daripada jangkaan pada 2 April tetapi sebahagian kerugian dapat dipulihkan menjelang akhir bulan, didorong pembelian oleh pasukan Kebangsaan, pembelian balik korporat dan keyakinan pasaran ke atas dasar baharu untuk mengurangkan kesan tarif ke atas ekonomi di China. Pada April 2025, konflik perdagangan AS-China memanggang serta-merta, ditujuh tindakan saling berbalas tarif. Pada 2 April, AS mengumumkan tarif 34% ke atas semua import China, berkuat kuasa mulai 5 April. China menyerang balas dengan mengenakan tarif 34% ke atas barangan AS bermula 10 April. Keadaan bertambah buruk apabila AS mengancam tarif tambahan 50%, lalu membawa kepada tarif terkumpul 104% ke atas import China menjelang 8 April. China bertindak balas dengan menaikkan tarif 84% ke atas import AS pada 9 April. Akhirnya, AS melaraskan strateginya dengan menghentikan kenaikan tarif ke atas kebanyakan negara tetapi menaikkan tarif ke atas import China kepada 125%. Ketegangan AS China yang semakin mengendur kemudiannya, telah mendorong indeks menampilkan sebahagian kerugian dengan pengecualian yang dilaporkan ke atas produk tertentu pada April. China mengumumkan bahawa KDNK 1Q25 meningkat sebanyak 5.4%, didorong oleh keluaran perindustrian dan jualan runcit yang kukuh dan mengulangi komitmennya untuk mencapai sasaran KDNK 2025, membayangkan langkah rangsangan yang mungkin diambil untuk mengimbangi kesan tarif. PMI April China merosot di tengah-tengah kebimbangan tarif dan ketidaktentuan sektor luaran. PMI pembuatan susut 1.5 mata kepada 49.0 didorong oleh kejatuhan pesanan eksport yang mencatatkan bacaan terendah sejak Disember 2023 manakala PMI bukan pembuatan jatuh 0.4 mata kepada 50.4 lantaran aktiviti pembinaan yang lebih perlahan. Pada akhir bulan, Politburo April menegaskan pelaksanaan dasar makro yang lebih proaktif dan pengukuhan pelarasan kitaran balas, dengan dasar fiskal yang lebih proaktif dan dasar monetari yang sederhana longgar dalam keadaan ketidaktentuan luaran. Nada itu kekal seperti mana mesyuarat Politburo Disember. Pemangkin seterusnya buat penaksiran semula keadaan ekonomi penggubal dasar dan pembuangan panduan dasar ialah mesyuarat Politburo Julai. Di Taiwan, TAIEX turun mendadak sebaik pengumuman tarif pada Hari Pembebasan tetapi sebahagian dari kerugian dapat dipulihkan selepas tarif berbeza dan kenaikan TWD. Indeks tersebut mengalami penurunan harga selama tiga hari disebabkan oleh tarif timbal balik, memberi kesan terutama sekali kepada sektor perindustrian dan teknologi. Dolar Taiwan juga meningkat dengan pantas berbanding USD, melepasi NT\$30 buat kali pertama sejak Februari 2023.

Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market jatuh 3.55% dari segi USD pada bulan April. MSCI China jatuh 4.56%, indeks Hang Seng Hong Kong jatuh 4.02% manakala Shanghai Shenzhen 300 jatuh 3.19% dari segi USD. Sementara itu, pasaran stok Taiwan meningkat 1.53% pada bulan tinjauan.

Pada bulan ini, Dana jatuh 12.41% tidak mengatasi prestasi penanda aras dengan perbezaan 619 mata asas. Penyumbang utama ialah kedudukan pegangan berlebihan di China dan kedudukan kekurangan pegangan di Taiwan. Kedudukan pegangan berlebihan dalam sebilangan saham Pengguna Bukan Keperluan telah menggugat prestasi lantaran dipengaruhi oleh kebimbangan tentang persaingan. Kedudukan pegangan berlebihan dalam stok Perindustrian dan Teknologi di Taiwan juga memberi kesan negatif terhadap prestasi berikutan kebimbangan tentang tarif.

MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	2020	2021	2022	2023	2024
Prestasi Tahunan Dana (%)	38.40	-11.38	-28.65	-4.66	3.31
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	45.65	-11.47	-25.57	0.74	6.14
Tarikh/Agihan (RM)	18 Jun, 0.0305	18 Jun, 0.0273	20 Jun, 0.0184	15 Jun, 0.0199	-
Pemecahan Unit	-	-	-	-	-
Hasil Agihan (%)	4.66	3.34	3.36	4.24	-
Purata FD 12 Bulan (MBB%)	-	-	-	-	-

Sumber: Agihan dan Hasil Agihan diperoleh daripada Laporan Tahunan dana. Dana dan Penanda Aras bagi tahun semasa adalah berdasarkan angka Sejak Awal Tahun Sehingga Kini (YTD) yang diperoleh daripada Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

MAKLUMAT PENTING

Berdasarkan pulangan portfolio Dana setakat 30 April 2025, Faktor Kemeruapan (VF) Dana ini ialah 21.6 dan diklasifikasikan sebagai "Sangat Tinggi" (Sumber: Lipper). "Sangat Tinggi" secara amnya termasuk dana dengan VF yang lebih tinggi daripada 16.345. VF bermakna terdapat kemungkinan Dana akan menjana pulangan menaik atau pulangan menurun di sekitar VF ini. Kelas Kemeruapan (VC) diberikan oleh Lipper berdasarkan tahap kuintil VF ke atas dana yang layak. VF tertakluk kepada semakan bulanan. VF Dana mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada VC, bergantung pada keadaan pasaran. Portfolio Dana mungkin telah berubah sejak tarikh ini dan tiada jaminan bahawa Dana akan terus mempunyai VF atau VC yang sama pada masa hadapan. Pada masa ini, hanya dana yang dilancarkan di pasaran untuk sekurang-kurangnya 36 bulan akan memaparkan VF dan VCnya.

Pelabur dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Eastspring Investments Master Prospectus bertarikh 15 Julai 2017, Eastspring Investments First Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2018, Eastspring Investments Second Supplementary Master Prospectus bertarikh 31 Oktober 2018, Eastspring Investments Third Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Januari 2019, Eastspring Investments Fourth Supplementary Master Prospectus bertarikh 1 Ogos 2019, Eastspring Investments Fifth Supplementary Master Prospectus bertarikh 1 Oktober 2020, Eastspring Investments Sixth Supplementary Master Prospectus bertarikh 15 Disember 2021, Eastspring Investments Seventh Supplementary Master Prospectus bertarikh 30 Disember 2022, Eastspring Investments Eighth Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2024 (secara kolektif, "Prospektus"), serta Product Highlights Sheet ("PHS") Dana sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad atau pender sahnya dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan Prospektus dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Prospektus telah didaftarkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah menerima borang permohonan yang disertakan dengan Prospektus. Prestasi lampau Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih ("NAB") seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan. Pelaburan dalam Dana terdedah kepada risiko sekuriti, risiko kredit atau lalai, risiko kadar faedah, risiko negara atau sekuriti asing, risiko mata wang, risiko rakan niaga, risiko lesen, risiko derivatif patuh Syariah, risiko perabayar dan komitmen dan risiko pengeluaran semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko am lain seperti yang diuraikan dalam Prospektus serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ("Eastspring") ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 1 Angel Court, London EC2R 7AG. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat pemiagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.